

# PM beri taklimat khas meritokrasi hari ini

UMNO 8 AUG 2001

KUALA LUMPUR 7 Ogos — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menyampaikan taklimat khas mengenai dasar meritokrasi kepada para pemimpin parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), esok.

Taklimat mengenai dasar yang sedang dirancang pelaksanaannya oleh kerajaan

bagi kemasukan pelajar bumiputera ke universiti tempatan itu akan berlangsung di Dewan Tun Razak 4, pada pukul 4 petang.

Setiausaha Kerja UMNO, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dalam satu kenyataan berkata, taklimat khas Presiden itu merupakan majlis tertutup yang akan dihadiri oleh para pemimpin UMNO peringkat bahagian seluruh negara.

Minggu lalu, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pertemuan antara Dr. Mahathir dan para pemimpin UMNO mengenai dasar meritokrasi penting kerana ramai yang masih tertanya-tanya serta mahu mendapat maklumat dan penjelasan lanjut mengenainya.

Ia juga selaras dengan sensitiviti UMNO

yang selama ini melalui kerajaan berjuang untuk memajukan pelajar bumiputera dalam bidang pendidikan.

Kerajaan baru-baru ini bercadang untuk mengambil tindakan radikal bagi menangani masalah pelajar bumiputera termasuk kemungkinan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke universiti.